

MAS DAGU KELABU
Grey-chinned Minivet

FAMILI: Campephagidae
NAMA SAINTIFIK: *Pericrocotus solaris*

CIRI-CIRI

Spesies ini terbahagi kepada beberapa sub-spesies di mana bagi sub-spesies jantan dewasa *P.s montanus* (Semenanjung Malaysia), individu ini mempunyai bulu yang berwarna merah di mana pada bahagian atas badan dan bahagian sisi telinga berwarna hitam dan sedikit berkilat. Bahagian rengkong pula berwarna kelabu yang gelap. Individu betina dewasa bagi sub-spesies ini mempunyai bahagian mahkota atas kepala yang berwarna hitam berkilat. Bahagian bawah badan, atas tongkeng, bawah sayap dan pangkal ekor berwarna perang kekuningan. Bagi individu juvenil pula, ia menyerupai individu betina dewasa tetapi bulu pada bahagian atas badan adalah lebih gelap serta terdapat jalur-jalur kuning yang pudar serta bintik-bintik hitam. Bahagian hujung sayap berwarna kuning pucat manakala pada bahagian sisi dada terdapat bintik-bintik berwarna hitam. Individu dewasa bagi spesies ini mempunyai saiz di antara 17-19 sm.

MAKANAN

Terdiri daripada serangga-serangga kecil yang diperolehi di kawasan kanopi atas pokok.

HABITAT

Spesies ini boleh dijumpai di kawasan hutan dipterokap, kawasan pinggir hutan dan adakalanya di kawasan hutan tanah tinggi, pada ketinggian di antara 300-2,195 m dari aras laut.

BUNYI

Burung ini mengeluarkan bunyi halus *tswee-seet* yang berulang diselangi dengan bunyi *swirrririt*. Bunyi yang dihasilkan termasuklah bunyi *trip* yang lembut dan juga bunyi *trii-ii*

PEMBIAKAN

Musim membiak bagi spesies ini adalah pada bulan Februari hingga April di mana sarang berbentuk seperti cawan, melekat pada bahagian dahan pokok pada ketinggian 13.7 m dari paras tanah. Telur yang dihasilkan adalah sebanyak 3 biji berwarna hijau pudar serta terdapat bintik-bintik berwarna merah pudar. Telur ini berukuran kira-kira 19.3 X 14.2 secara purata.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.